

# Jangan perpedaya iklan produk kesihatan palsu

Ih FUAD RAMDAN

ALOR GAJAH 10 Mac - Produk pelangsing, pemutih kulit dan ubat kuat, antara produk popular yang mengancam masyarakat melalui iklan palsu helah digunakan pembekal.

Justeru, kempen kesedaran terus dipertingkatkan bagi melindungi pengguna dari terus ditipu.

Timbalan Exco Pembangunan Belia dan Warisan, Datuk Norriipah Abdol berkata, rujukan serta akses maklumat sahaja mampu menyenamkan pengguna

dari terpedaya dengan produk merbahaya.

Menurutnya, masyarakat perlu bijak membuat pilihan selain meningkatkan pengetahuan agar tidak terpengaruh dengan iklan ubatan yang menggugat kesihatan.

"Hanya dengan kesedaran serta maklumat tepat dapat melindungi pengguna dari ditipu penjual dan pembekal ubatan palsu di pasaran," katanya.

Norriipah berkata demikian pada ucapan persamian Program Sembang Kopi Duta Kenali Ubat Anda di Pusat Perniagaan Jelatang di sini



**MASTURA (dua kiri) dan Norriipah menunjukkan poster kempen sembang kopi selepas Program Sembang Kopi Duta Kenali Ubat Anda di Pusat Perniagaan Jelatang, Selasa lalu.**

Selasa lalu.

Hadir sama, Pengarah Hospital Alor Gajah, Dr. Suraidah Karim;

Pegawai Kesihatan Daerah Alor Gajah, K. Premvanan; Mastura Mohd Lina Hamzah dan Duta Kenali Ubat Anda Hos Yin.

Program Sembang Kopi Duta Kenali Ubat Anda itu merupakan medan penyebaran maklumat mengenai penggunaan ubat selamat dalam kalangan pengguna.

Beberapa taklimat dan edaran risalah mengenai info ubatan palsu serta diikuti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diedarkan ke kedai berdekatan bagi memaksimumkan pendidikan mengenai bahaya ubat palsu dalam kalangan masyarakat.

Program Duta Kenali Ubat Anda itu mula diperkenalkan pada tahun 2012 oleh KKM dan berpegang kepada konsep 'kuasa masyarakat'.



**NORRIIPAH menyampaikan poster kenali ubat anda di sebuah kedai gunting rambut sempena program berkenaan.**